

53

NO. SOALAN :28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH**

[PUTATAN]

TARIKH JAWAPAN : 27 MAC 2018

SOALAN

DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH minta **MENTERI TENAGA
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:

- a) Jumlah kenderaan elektrik (Electric Vehicles-EV) yang didaftarkan di negara Malaysia khususnya di negara Sabah dan Sarawak, dan sekiranya ada, berapa banyakkah stesen mengecas kenderaan elektrik yang disediakan di negara ini;
- b) Adakah peranti yang boleh digunakan oleh pemilik kereta elektrik untuk mengecas kenderaan mereka dengan tanpa pergi ke stesen mengecas.

Tuan Yang Dipertua,

1. Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN) tahun 2009 dan Pelan Induk Teknologi Hijau (*Green Technology Master Plan – GTMP*) 2017 telah mengenalpasti sektor pengangkutan sebagai salah satu sektor utama yang perlu diberikan tumpuan dalam pembangunan teknologi hijau di negara ini. Salah satu inisiatif yang digariskan di bawah GTMP bagi mengurangkan pengeluaran karbon dioksida daripada sektor pengangkutan adalah melalui penggunaan kenderaan cekap tenaga (*Energy Efficient Vehicle - EEV*) termasuk kenderaan elektrik (*Electric Vehicle - EV*).

2. Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebanyak 1,434 buah kenderaan elektrik telah didaftarkan di Malaysia bagi tempoh Januari 2011 hingga Disember 2017. Jumlah ini termasuk 185 buah kereta elektrik, 1,224 buah motosikal elektrik dan juga 25 buah bas elektrik. Sehingga kini tiada kenderaan elektrik didaftarkan di negeri Sabah dan Sarawak.

3. Bagi menyokong pembangunan kenderaan elektrik di Malaysia, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah membangunkan rangkaian stesen pengecas kenderaan elektrik yang

53

dikenali sebagai ChargEV. Stesen pengecas ini dikendalikan sepenuhnya oleh agensi di bawah KeTTHA iaitu *Malaysian Green Technology Corporation*. Sehingga Disember 2017, sebanyak 234 buah stesen pengecas kenderaan elektrik telah dibangunkan di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

4. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, pemilik kereta elektrik boleh menggunakan plag 3 pin untuk mengecas kenderaan elektrik mereka di rumah atau di mana-mana bangunan (dengan kebenaran pemilik bangunan) tanpa perlu pergi ke stesen pengecas. Walau bagaimanapun, tempoh mengecas kenderaan elektrik melalui plag 3 pin akan mengambil masa yang lebih lama iaitu selama 8 jam berbanding 4 hingga 6 jam sekiranya mengecas di stesen pengecas. Perbezaan masa ini adalah disebabkan oleh kadar pengaliran tenaga yang berbeza iaitu 3 kW bagi plag 3 pin dan 7 kW bagi stesen pengecas.

Sekian, terima kasih

.....